ABDUL GHANI DAUD

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
AZAHAR MOHAMED PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-31-2002 (4)]
2 DISEMBER 2004

PROSEDUR JENAYAH: *Sabitan - Kesalahan seksual - Sabitan atas keterangan saksi yang tidak disokong - Sama ada sabitan betul - Sama ada hukuman yang wajar dikenakan - Kanun Keseksaan, s. 354*

Perayu seorang guru sekolah telah disabitkan di mahkamah majistret atas dua tuduhan di bawah s. 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan seorang murid sekolah yang mengalami masalah *down syndrome*. Di atas tuduhan pertama, perayu diperintahkan majistret untuk dipenjarakan selama dua tahun dari tarikh sabitan dan menerima dua sebatan rotan. Di atas tuduhan kedua pula, perayu dibebaskan kerana pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadapnya. Maka rayuan perayu ini terhadap sabitan atas tuduhan pertama sahaja. Isunya ialah sama ada majistret betul bergantung kepada keterangan seorang saksi SP7 sahaja sedangkan keterangan murid iaitu mangsa berkenaan tidak diterimamasuk atas alasan tak upaya.

Diputuskan (menolak rayuan):

[1] Tiada anggapan undang-undang bahawa saksi seperti SP7 tidak boleh dipercayai. SP7 adalah saksi yang bebas yang melihat kejadian tersebut dengan matanya sendiri. SP7 bukan seorang saksi kanak-kanak atau pun mempunyai masalah kecerdasan fikiran ataupun mangsa kes seksual ataupun seorang rakan penjenayah. Pergantungan boleh dibuat kepada keterangan SP7 tanpa keperluan keterangan sokongan tertakluk kepada kepercayaan keterangan SP7 tersebut. Tiada keperluan dari segi undang-undang yang memerlukan majistret mengarahkan dirinya tentang bahaya menerima keterangan SP7 yang tidak disokong. (ms 124 b-c)

[2] Mahkamah yang mendengar rayuan perlu bertindak perlahan untuk mengganggu tafsiran dan keputusan mahkamah perbicaraan ke atas tingkah laku saksi-saksi atas alasan bahawa mahkamah tersebut adalah yang terbaik untuk memerhati tingkah laku saksi sewaktu perbicaraan. Dalam kes semasa, tiada sebab untuk mengganggu keputusan fakta majistret bahawa keterangan SP7 boleh dipercayai memandangkan beliau telah memberi

pertimbangan yang sewajarnya dan telah memakai prinsip-prinsip yang betul. Perayu telah gagal menunjukkan bahawa majistret telah tersilap dari segi fakta mahupun undang-undang. (ms 125 c-g)

[3] Majistret telah memakai piawai pembuktian yang betul ke atas kes pembelaan perayu iaitu perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Keputusan majistret bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes terhadap perayu melampaui keraguan munasabah disahkan. (ms 125 h & 126 a-c)

[4] Kesalahan seumpama ini dipandang serius dan mahkamah seharusnya menjatuhkan hukuman bersifat pengajaran. Faktor-faktor mitigasi yang dikemukakan hendaklah dipertimbangkan dengan berlatarbelakangkan kepentingan awam. Perayu telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai seorang guru dengan mengambil kesempatan ke atas seorang murid yang malang. Di kaca mata masyarakat, perayu telah melakukan satu kesalahan yang sungguh memalukan dan mencemarkan nama baik profesyen perguruan. Dengan itu, hukuman yang dijatuhkan oleh majistret adalah wajar. (ms 127 d-f)

Kes-kes yang dirujuk:
Aziz Muhamad Din v. PP [1997] 1 CLJ Supp 523 HC ***(dibezakan)***
Balwant Singh v. PP [1960] 26 MLJ 264 ***(dibezakan)***
Bhandulanan Jayatilake v. PP [1982] 1 MLJ 83 ***(dirujuk)***
Chiu Nang Nong v. PP [1965] 31 MLJ 40 ***(dibezakan)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Din v. PP [1964] 30 MLJ 30 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 354

Bagi pihak perayu - Rosli Kamaruddin; T/n Teh Poh Teik & Co
Bagi pihak pendakwa raya - Ahmad Zubir Jantan TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed PK:
Pada 25 Oktober 2004, setelah selesai semua penghujahan di bentangkan oleh peguam perayu yang bijaksana dan juga timbalan pendakwa raya yang bijaksana, saya telah menangguhkan penghakiman saya. Ini adalah sekarang penghakiman saya.

Perayu, seorang guru sekolah, telah dituduh di Mahkamah Majistret di Kota Tinggi dengan dua pertuduhan di bawah s. 354 Kanun Keseksaan. Bagi ke dua-dua pertuduhan tersebut, dia di tuduh melakukan kesalahan cabul kehormatan dengan niat menjatuhkan maruah terhadap Noor Waheda bte Abdul Rasid, 12 tahun, seorang murid sekolah. Mengikut kertas pertuduhan, kejadian-kejadian tesebut berlaku di sekolah pendidikan khas bermasalah pelajaran, Bandar Mas, Kota Tinggi pada dua masa yang berlainan. Butir-butir pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 18hb. April 2001, jam lebih kurang 9.40 pagi, bertempat di Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pelajaran, Bandar Mas, di dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor, telah melakukan cabul kehormatan dengan niat menjatuhkan maruah terhadap Noor Waheda bte Abdul Rashid, S/B: I 060834, 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada awal Februari hingga awal April 2001, antara jam lebih kurang 12.00 tengahari, bertempat di Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pelajaran, Bandar Mas, di dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor, telah melakukan cabul kehormatan dengan niat menjatuhkan maruah terhadap Noor Waheda bte Abdul Rashid, S/B: 1 060834, 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Bagi pertuduhan pertama, pada 4 Julai 2002 majistret yang arif telah mendapati perayu bersalah dan menyabitkan kesalahannya di bawah s. 354 Kanun Keseksaan serta memerintahkan perayu di penjarakan selama dua tahun dari tarikh sabitan dan juga di perintahkan perayu disebat dengan rotan sebanyak dua kali. Perayu tidak puas hati dengan keputusan tersebut dan telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Manakala bagi pertuduhan kedua perayu telah dibebaskan diakhir kes pendakwaan setelah majistret yang arif mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu. Pada asalnya, Pendakwa Raya telah mengemukakan rayuan terhadap perintah pembebasan tersebut. Walau bagaimanapun, pada hari perbicaraan 25 Oktober 2004, Pendakwa Raya telah menarik balik rayuan tersebut. Oleh yang demikian, penghakiman ini hanyalah tertumpu kepada rayuan perayu terhadap keseluruhan keputusan berkaitan sabitan serta hukuman bagi pertuduhan pertama.

Noor Waheda adalah seorang pelajar di sebuah kelas khas di sebuah sekolah di bandar Mas Kota Tinggi. Beliau dihantar untuk belajar di sana kerana mengalami masalah down syndrome. Di sekolah tersebut terdapat sebuah kelas yang menempatkan murid-murid berkeperluan khas dipanggil kelas khas pendidikan untuk kanak-kanak bermasalah dalam pembelajaran. Perayu turut mengajar di kelas khas tersebut. Menurut SP1, ibu Noor Waheda, pada 27 April 2001 beliau telah menerima panggilan telefon dari SP7, seorang guru sekolah tersebut. Berikutan itu, SP1 telah membuat satu lapuran polis pada keesokan harinya mengenai, antara lain, bahawa anaknya telah dicabul kerhormatan oleh seorang guru bernama Ghani. SP7 adalah seorang guru kelas khas tersebut yang telah mengajar di situ selama tiga tahun lebih dan Noor Waheda adalah salah seorang anak muridnya. Dalam keterangannya, SP7 menyatakan bahawa pada 18 April 2001 jam lebih kurang 9.40 pagi beliau telah nampak di bilik kelas yang berkenaan perayu memeluk Noor Waheda dari belakang dan tangan kanan perayu berada pada buah dada Noor Waheda. SP7 nampak pergerakan tangan perayu seperti meramas buah dada Noor Waheda di sebelah kanan. Pada waktu kejadian ini berlaku SP7 berada 10-15 kaki daripada perayu dan Noor Waheda. Menurut SP7 lagi, tiada halangan pada penglihatannya semasa beliau nampak di depan matanya kejadian tersebut. Semasa perbicaraan di Mahkamah Majistret pihak pendakwaan telah memanggil Noor Waheda sebagai saksi. Walau bagaimanapun, setelah satu inkuiri di jalankan majistret yang arif memutuskan bahawa Noor Waheda tidak berkeupayaan untuk memberi keterangan kerana beliau tidak memahami soalan yang dikemukakan serta tidak dapat memberi jawapan yang rasional memandangkan tahap kecerdasan beliau yang lemah. Majistret yang arif seterusnya telah memerintahkan segala keterangan Noor Waheda dipadamkan dari nota keterangan. Tanpa keterangan Noor Waheda, pihak pendakwaan bergantung kuat kepada keterangan SP7 bagi membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu.

Peguam perayu yang bijaksana telah berhujah bahawa keterangan SP7 tidak dapat berdiri dengan sendirinya tanpa keterangan sokongan kerana pertuduhan di bawah s. 354 Kanun Keseksaan merupakan kes seksual yang memerlukan keterangan sokongan dan oleh kerana keterangan SP7 tidak disokong dengan mana-mana keterangan lain, perayu sepatutnya dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikenakan. Bagi menyokong penghujahannya, peguam yang bijaksana telah merujuk kepada beberapa kes, iaitu *Aziz Muhamad Din v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 523, *Chiu Nang Nong v. PP* [1965] 31 MLJ 40, *Balwant Singh v. PP* [1960] 26 MLJ 264 dan *Din v. PP* [1964] 30 MLJ 30. Pada hemat saya kes-kes yang dirujuk oleh peguam yang bijaksana itu tidak membantu penghujahannya kerana fakta-fakta dan keadaan-keadaan dalam kes-kes tersebut berbeza dan tidak boleh disamakan dengan kes di

hadapan saya. Berbeza dengan kes di hadapan saya, kes-kes tersebut melibatkan saksi-saksi kanak-kanak ataupun saksi-saksi yang merupakan mangsa kes seksual. Tiada kes lain yang telah dikemukakan oleh peguam yang bijaksana untuk menyokong penghujahannya bahawa keterangan SP7 tidak dapat berdiri dengan sendirinya tanpa keterangan sokongan.

Pada hemat saya tiada anggapan undang-undang bahawa saksi seperti SP7 ini tidak boleh dipercayai. SP7 adalah saksi bebas yang melihat sendiri dengan matanya kejadian tersebut. SP7 bukanlah seorang saksi kanak-kanak ataupun mempunyai masalah kecerdasan fikiran ataupun mangsa kes seksual ataupun seorang rakan sepenjenayah. Pada hemat saya pergantungan boleh di buat kepada keterangan SP7 tanpa keperluan keterangan sokongan tetapi hendaklah tertakluk kepada keterangan SP7 tersebut boleh dipercayai. Pada hemat saya tiada juga keperluan dari segi undang-undang yang menghendaki majistret yang arif itu perlu mengarahkan dirinya tentang bahaya menerima keterangan SP7 yang tidak disokong.

Pada hemat saya pertimbangan yang utama untuk menguji kebolehpercayaan saksi seperti SP7 ialah tentang kemungkinan atau ketidakmungkinan yang sedia ada tentang satu fakta dan bukanlah dengan sendirinya satu ujian kebolehpercayaan yang serba mencukupi, jika keterangan SP7 tidak terjejas dalam pemeriksaan balas. Seandainya tiada sebarang percanggahan dan sebarang elemen ketidakmungkinan yang sedia ada, maka keterangan SP7 yang memberi keterangan atas sumpah patut diterima. Dalam hubungan ini, majistret yang arif, setelah meneliti dan memperhalusi segala keterangan SP7, mendapati keterangannya konsisten dan boleh dipercayai dan seterusnya keterangan SP7 telah di diterima. Majistret yang arif telah mengambil pertimbangan bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa SP7 mempunyai permusuhan dengan perayu dan tiada keterangan menunjukkan SP7 mempunyai motif yang tidak baik terhadap perayu. Majistret yang arif memutuskkan bahawa tiada sebab untuk SP7 memberi keterangan yang memburukkan imej perayu melainkan perbuatan itu benar-benar berlaku. Majistret yang arif sedar bahawa sabitan perayu bergantung kepada keterangan SP7 semata-mata tanpa keterangan sokongan. Majistret yang arif mempercayai dan menerima keterangan yang di berikan oleh SP7 berkaitan apa yang beliau sendiri nampak perayu lakukan ke atas Noor Waheda sepertimana yang telah yang saya huraikan di atas.

Pada hemat saya majistret yang arif telah menimbangkan keterangan SP7 secara berhati-hati, cermat dan terperinci dengan memberikan alasan kukuh bagi keputusannya menerima keterangan SP7. Berdasarkan semua keterangan seperti yang terdapat dalam rekod rayuan, saya mendapati keputusan majistret yang arif mempercayai dan menerima keterangan SP7 adalah betul. Pihak perayu telah gagal untuk menunjukkan bahawa majistret yang arif telah silap dari segi fakta mahupun undang-undang dalam membuat keputusan tersebut. Pada hemat saya, majistret yang arif tidak salah arah apabila menerima keterangan SP7 tanpa keterangan sokongan setelah beliau mendapati SP7 boleh dipercayai. Majistret yang arif juga tidak salah arah apabila menerima keterangan SP7 tanpa terlebih dahulu mengarahkan dirinya tentang bahaya menerima keterangan SP7 yang tidak disokong kerana dari segi undang-undang tiada keperluan bagi beliau perlu berbuat demikian. Dalam hubungan ini, adalah menjadi undang-undang yang sudah mantap sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457, bahawa mahkamah yang mendengar rayuan seharusnya bertindak perlahan dalam mengganggui keputusan fakta-fakta mahkamah perbicaraan dan melainkan jika dapat ditunjukkan bahawa keputusan fakta-fakta ini tidak disokong oleh keterangan atau bertentangan dengan penekanan keterangan, keputusan tersebut seharusnya tidak diganggu. Mahkamah yang mendengar rayuan juga perlu bertindak perlahan untuk mengganggui taksiran dan keputusan mahkamah perbicaraan ke atas tingkahlaku saksi-saksi atas alasan bahawa mahkamah tersebut adalah yang terbaik untuk memerhati tingkahlaku saksi sewaktu perbicaraan. Dalam kes ini, tiada sebab bagi saya untuk mengganggui keputusan fakta majistret yang arif bahawa keterangan SP7 boleh dipercayai memandangkan beliau telah memberi pertimbangan yang sewajarnya dan telah memakai prinsip-prinsip yang betul.

Sekarang saya beralih kepada pembelaan perayu. Dalam penghakimannya, majistret yang arif telah memberi alasan-alasan sebab beliau tidak menerima dan tidak mempercayai keterangan perayu bahawa pada masa yang berkenaan dia hanya membetulkan butang baju kurung Noor Waheda. Majistret yang arif tidak menerima dan mempercayai penafian perayu yang dia meramas buah dada Noor Waheda. Setelah menimbangkan kesemua keterangan pihak pendakwaan dan pembelaan, majistret yang arif mendapati perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Adalah jelas bahawa majistret yang arif telah memakai piawai pembuktian yang betul ke atas kes pembelaan iaitu perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Pada hemat saya, setelah menimbangkan keseluruhan keterangan yang ada dalam rekod rayuan, majistret yang arif tidak tersalah di dalam penilaian beliau

akan keterangan tersebut dan keputusan beliau betul dan tepat dalam mendapati perayu bersalah seperti yang dituduh. Sesungguhnya majistret yang arif telah menimbangkan kes perayu dengan teliti dan cermat. Tiada alasan bagi saya mengganggui keputusan fakta yang dibuat oleh majistret yang arif itu kerana beliau telah membuat penilaian maksima ke atas semua keterangan yang dikemukakan. Pihak perayu tidak dapat menunjukkan bahawa keputusan majistret yang arif itu tidak di sokong oleh keterangan atau bertentangan dengan penekanan keterangan. Saya bersetuju dengan keputusan majistret yang arif bahawa perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan munasabah berkenaan dengan kebenaran kes pendakwaan atau berkenaan dengan kesalahan perayu. Saya mengesahkan keputusan majistret yang arif bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes terhadap perayu hingga melampaui keraguan munasabah atas pertuduhan tersebut dan perayu bersalah sepertimana yang dituduh.

Berhubung dengan hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuashati bahawa hukuman yang di jatuhkan oleh mahkamah perbicaraan adalah amat tidak memadai, atau tidak sah, atau sebaliknya bukan merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah di dalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman. Berkaitan dengan hal ini saya merujuk kepada kes *Bhandulanan Jayatilake v. PP* [1982] 1 MLJ 83 di mana Raja Azlan Shah Pemangku Ketua Hakim (sebagaimana baginda pada ketika itu) yang menyampaikan penghakiman mahkamah itu, pada halaman 84 menyatakan:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* [1952] AC 525). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it is their duty to visit particular crimes with exemplary sentences, whilst others, equally conscientious, have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court had said it again and again it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient *per se* to warrant this court's interference.

Sekarang saya akan menimbangkan sama ada hukuman penjara dua tahun serta dua kali sebatan yang dikenakan ke atas perayu itu secara nyata berlebihan dan tidak berpadan dengan keadaan kes ini. Peguam perayu yang bijaksana telah berhujah bahawa majistret yang arif telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap prinsip penghukuman dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Dalam penghakimannya, majistret yang arif telah mengambil kira semua faktor mitigasi yang dikemukakan oleh perayu. Majistret yang arif juga mengambil kira bahawa kesalahan yang perayu lakukan adalah serius kerana sebagai seorang guru, perayu telah dipertanggungjawab dan diamanahkan untuk memberi pendidikan kepada muridnya. Tetapi sebaliknya perayu telah mengambil kesempatan terhadap muridnya yang menghadapi masalah pembelajaran disebabkan down syndrome yang dialami oleh murid yang malang itu. Adalah jelas pada hemat saya bahawa majistret yang arif telah secara teliti mengambilkira segenap faktor sebelum menjatuhkan hukuman tersebut. Pada hemat saya majistret yang arif tidak terkeluar daripada prinsip penghukuman yang telah digariskan. Setelah menimbangkan dengan teliti, saya bersetuju bahawa kepentingan awam mengkehendaki kesalahan seumpama ini dipandang serius dan mahkamah seharusnya menjatuhkan hukuman bersifat pengajaran dan apa-apa faktor mitigasi yang dikemukakan hendaklah dipertimbangkan dengan berlatarbelakangkan kepentingan awam yang perlu dilaksanakan. Pada hemat saya perayu telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai seorang guru dengan mengambil kesempatan ke atas seorang muridnya yang malang yang mengalami masalah down syndrome. Di kaca mata masyarakat perayu telah melakukan satu kesalahan yang sungguh memalukan serta mencemarkan nama baik profesyen perguruan. Setelah menimbangkan kepentingan awam, pada hemat saya, hukuman yang dijatuhkan oleh majistret yang arif adalah wajar dan tidak silap atau menyalahi mana-mana prinsip undang-undang dan oleh yang demikian menjadi kewajiban serta juga tanggungjawab saya untuk mengekalkan hukuman yang berkenaan.

Sebagai kesimpulannya, saya menolak rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh majistret yang arif itu.

Perayu selanjutnya telah memohon dibenarkan penggantungan perlaksanaan hukuman. Setelah memberi pertimbangan sewajarnya saya telah membenarkan permohanan tersebut dengan syarat perayu diperintahkan mengemukakan jaminan sebanyak RM20,000 dengan dua penjamin dan juga perayu hendaklah memfailkan notis rayuan yang berkenaan sebelum 3 petang hari ini, 2 Disember 2004.